

05/09/1998

Proton tawar kontrak kendali logistik

Saidon Idris

PERUSAHAAN Otomobil Nasional Bhd (Proton) menawarkan kontrak pengendalian logistiknya kepada KP Asia Auto Logistics Sdn Bhd (KPAAL), satu langkah yang bakal menjadikan operasinya lebih cekap.

Pada masa yang sama, langkah itu juga selaras dengan strateginya bagi memberikan tumpuan kepada kegiatan utama iaitu mereka bentuk, kejuruteraan, membina dan pemasaran kereta.

Majlis menandatangani kontrak berkenaan diadakan di ibu pejabat Proton di Shah Alam, semalam. Proton diwakili ketua eksekutifnya, Tengku Mahaleel Tengku Ariff manakala KPAAL, anak syarikat Konsortium Perkapalan Bhd diwakili pengerusinya, Mirzan Mahathir.

Mengikut kontrak itu, KPAAL akan mengambil alih seluruh operasi logistik Proton iaitu daripada penerimaan dan penyisihan, penyimpanan hinggalah kepada penghantaran komponen keperluan Proton, sama ada komponen tercurai (CKD) yang diimport mahupun dikeluarkan vendornya ke bahagian pemasangannya.

Berkata kepada pemberita pada persidangan akhbar selepas majlis itu, Tengku Mahaleel, berkata penyerahan kontrak perkhidmatan operasi logistik itu kepada KPAAL, di samping menjadikan operasi logistik itu lebih cekap turut memberikan penjimatan kepada Proton iaitu dari segi kos operasi, ruang dan juga pekerja.

Beliau tidak memberikan anggaran jumlah penjimatan berkenaan. Namun, menurutnya dari segi kos pekerja, kos KPAAL adalah 20 peratus lebih rendah daripada kos pekerja Proton.

Pada masa ini, Proton mempunyai 100 kakitangan mengendalikan kerja pengendalian logistiknya.

Menurut beliau lagi, pengendalian logistik pula mewakili kira-kira lapan peratus daripada kos operasi keseluruhan Proton.

Pada tahun kewangan lalu, Proton mencatatkan perolehan dagangan RM6.04 bilion dengan keuntungan sebelum cukai RM677.5 juta.

Dari segi penjimatan ruang, Tengku Mahaleel, berkata penyerahan kontrak itu kepada KPAAL menjimatkan kira-kira 60,000 meter persegi yang menurutnya bakal digunakan sebagai barisan pengeluaran baru.

"Namun, apa yang lebih penting ialah dengan mengalihkan operasi itu kepada KPAAL, Proton kini boleh memberikan tumpuan hanya kepada kegiatan utamanya, iaitu reka bentuk, kejuruteraan, pembinaan dan pemasaran kereta," katanya.

Sementara itu, Mirzan berkata KPAAL melabur kira-kira RM10 juta bagi sistem pengurusan gudang khusus bagi pengendalian logistik komponen Proton yang hanya terletak tiga kilometer dari kilang pengeluaran kereta Nasional itu.

(END)